

**Dasar BN Bawa Wawasan Yang Jelas, Bersifat Jangka Panjang - Nor Mohamed Bernama  
28 Oktober, 2012**

KEPALA BATAS, 28 Okt (Bernama) -- Dasar Barisan Nasional (BN), sebagai sebuah parti yang telah memerintah negara lebih 50 tahun, membawa wawasan yang jelas dan bersifat jangka panjang, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata BN sangat prihatin khususnya dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk kesejahteraan rakyat tanpa mengira ideologi politik atau kaum.

"Ini membuktikan bahawa kepimpinan BN bukan bersikap populis sebaliknya merupakan perancang untuk satu tempoh jangka masa panjang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan karnival Deepavali anjuran Sri Murugan Centre di Dewan HYO, Pokok Machang, Tasek Gelugor di sini Ahad.

Nor Mohamed berkata dasar BN amat berbeza dengan dasar pembangkang yang hanya memberi tumpuan kepada keperluan pengundi sahaja dan tidak mempunyai perancangan untuk jangka masa panjang.

Katanya menyedari setiap rakyat perlu mendapat perhatian dan menikmati kesejahteraan yang sama rata, kerajaan BN telah merancang dan melaksanakan banyak program dan strategi untuk memastikan setiap rakyat mendapat keistimewaan sama rata.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=705095>